



## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami:  
Tarikh : 06 Februari 2020

## SIARAN MEDIA 06 Februari 2020

### MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019 DAN JASAMU DIKENANG 2019 KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

**PUTRAJAYA, 06 Februari 2020** – YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 Dan Jasamu Dikenang 2019 Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang berlangsung malam ini di The Everly Hotel, Putrajaya. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Sri Hj. Mohammad Bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha KPKT, dan Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah KPKT.

Majlis ini merupakan platform bagi pucuk pimpinan KPKT menzahirkan pengiktirafan di atas usaha, bakti dan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh penjawat awam di Kementerian ini. Ia juga merupakan usaha ke arah memberikan galakan dan pencetus semangat kepada semua warga KPKT untuk terus mempertingkatkan produktiviti serta mutu kerja yang berkualiti tinggi. Ini bagi menjadikan perkhidmatan awam kekal sebagai perkhidmatan yang diyakini dan disegani oleh rakyat dalam menepati kehendak dan ekspektasi mereka. Pengiktirafan ini seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua warga Kementerian untuk membuktikan keupayaan masing-masing untuk terus maju pada masa akan datang.

Dalam majlis tersebut, seramai **156** orang adalah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019. Manakala **27** orang warga KPKT adalah warga KPKT yang bersara dari **Julai 2019 hingga Jun 2020**. KPKT mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih di atas khidmat bakti tuan-puan sebagai penjawat awam dan warga Kementerian ini khasnya.

Diharapkan majlis ini dapat meningkatkan komitmen dan pencapaian cemerlang dengan kesungguhan untuk mendukung usaha kerajaan dalam menjadi tunjang bagi membina sebuah perkhidmatan awam yang lebih dinamik, cemerlang dan gemilang. Ia selaras dengan petikan kata-kata YAB Tun Perdana Menteri Malaysia dalam amanat Tahun Baru beliau iaitu ***Buatlah resolusi untuk negara. Resolusi untuk menjayakan negara kita ini supaya kita boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa maju di dunia ini.***

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh :      Unit Komunikasi Korporat  
                                    b.p. Ketua Setiausaha  
                                    Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*  
*Telefon :                  03-8891 5555*  
*Faks :                       03-8891 5557*  
*E-mel :                      media.ukk@kpkt.gov.my*